

Headline	Foto 43 tahun lalu bawa tuah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	427 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rizanizam Abdul Hamid	AdValue	RM 15,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,310



# Foto 43 tahun lalu bawa tuah

■ Pemandu lori johan kategori Memoir Silam Tanah Suci menerusi gambar ketika berusia 3 tahun

Oleh Rizanizam Abdul Hamid

mrizanizam@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

“S iapa sangka foto ketika menunaikan haji bersama keluarga ketika saya berusia tiga tahun pada 1970 yang disimpan selama 43 tahun membawa tuah apabila memenangi tempat pertama pertandingan ini,” kata pemandu lori Mohamad Tarmizi Yusoff.

Mohamad Tarmizi, 46, menjadi johan yang membawa pulang wang tunai RM5,000 pada Pertandingan Fotografi Kenangan Abadi Tanah Suci anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerjasama Harian Metro bagi kategori Memoir Silam Tanah Suci.

Menurutnya, dia memilih menyertai pertandingan itu setelah tertarik dengan kategori yang dipertandingkan selain mahu berkongsi foto terbabit dengan masyarakat

umum.

“Ketika membelek album, saya terjumpa foto saya sedang dibawa turun dari kereta bersama empat ahli keluarga lain iaitu ayah, emak, abang dan kakak sebaik tiba di Arafah ketika musim haji pada 1970,” katanya pada majlis penyampaian hadiah kepada 39 pemenang di Balai Berita The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Ismee Ismail dan Pengarang Kumpulan Harian Metro Datuk Mustapa Omar.

Pemenang bagi kategori Warna Warni Tanah Suci, Maliah Surip, 32 pula berkata, wang hasil daripada kemenangan itu akan digunakan untuk menghantar bapa mentuanya Abdul Latif

Abdul Wahab, 61, menunaikan umrah.

“Ketika merakamkan foto pemandangan jemaah menerangkan solat di waktu tengah malam dari puncak Gua Hirak berlatarbelakangkan Masjidil Haram ketika itu, suami Abdul Razak, 28, sudah berniat begitu,” katanya.

Mohamed Latiff Abdul Kadir, 57, turut bertuah apabila foto isterinya mengumpul batu untuk melontar di Jamarah bersama jemaah haji lain pada 2007 menjadi johan kategori Kenangan Tanah Suci sekali gus membawa pulang wang tunai RM5,000.

Sementara itu, Ismee berkata, TH tidak menyangka pertandingan itu mendapat sambutan amat menggalakkan apabila menerima lebih 5,000 penyertaan walaupun kali pertama dianjurkan de-

ngan kerjasama Harian Metro.

“Namun apa yang lebih dihargai ialah usaha peserta untuk menghantar seberapa banyak foto dan pertandingan ini menjadi platform yang baik untuk diteruskan pada masa hadapan dengan beberapa perubahan yang akan dilakukan.

“Lebih penting, ia dapat menyemai perasaan ingin menjejakkan kaki ke Tanah Suci dalam kalangan generasi muda yang melihat foto ini apabila ia didedahkan kepada masyarakat umum,” katanya.

Mustapa dalam pada itu turut berterima kasih kepada semua yang menyertai pertandingan itu walaupun diadakan dalam tempoh singkat iaitu selama 30 hari bermula 1 hingga 31 Julai lalu.



Headline	Foto 43 tahun lalu bawa tua		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	23	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	427 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rizanizam Abdul Hamid	AdValue	RM 15,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,310

## Pengurusan terbaik

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) menyifatkan operasi haji bagi musim lalu yang berakhir pada November lalu sebagai pengurusan haji terbaik ekoran mendapat pujian daripada jemaah yang berpuas hati atas

perkhidmatan diberikan. Pengarah Urusan Kum-pulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Ismee Ismail berkata, pencapaian itu adalah hasil keputusan Kerajaan Arab Saudi tahun ini yang mengurangkan kuota jemaah

haji untuk setiap negara Islam sebanyak 20 peratus berikutan kerja pem-besaran Masjidil Haram.

"Kesan daripada itu; kebajikan semua jemaah haji dapat diuruskan dengan baik dan sangat ter-

bela, malah TH tidak menerima banyak rungutan daripada jemaah haji kita.

"Malah ketika saya menyambut penerbangan pulang jemaah kita, mereka melahirkan rasa gembira dengan tahap layanan TH," katanya.



**PEMENANG** tiga kategori Kenangan Abadi Tanah Suci bergambar kenangan. Gambar kecil, Ismee (dua dari kiri) dan Mustapa (dua dari kanan) melihat foto dihantar pemenang.

